

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/Jld13 (24)
Tarikh: 1 Julai 2015

KENYATAAN MEDIA

MBPJ BUKA KAUNTER BERGERAK EZ-PAY BULAN JULAI

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA akan membuka kaunter bergerak ez-pay pada bulan Julai 2015. Aktiviti ini merupakan usaha dan langkah pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat pada waktu puncak terutamanya.

Di samping itu, kaunter bergerak ez-pay ini juga di harap dapat menggalakkan dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk hadir ke kaunter bergerak yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Sebagai makluman, antara kawasan-kawasan yang akan dilawati sepanjang bulan Julai ini adalah seperti berikut:

BIL	TEMPAT	HARI	TARIKH	MASA
1	SD 2/1G (Berhampiran Kedai Tayar STH Auto Services Centre)	Rabu - Isnin	01.07.2015 - 06.07.2015	10.00 pg – 3.00 ptg
2	SS 24 Pasar Taman Megah	Selasa - Sabtu	07.07.2015 - 11.07.2015	10.00 pg – 3.00 ptg
3	PJU5, Dataran Sunway	Ahad - Rabu	12.07.2015 - 15.07.2015	10.00 pg - 3.00 ptg
4	SS 6 Kelana Jaya (Berhampiran Giant kecil)	Khamis - Selasa	23.07.2015 - 28.07.2015	10.00 pg - 3.00 ptg
5	PJS 6/5C, Desa Mentari (Berhampiran Surau)	Rabu - Jumaat	29.07.2015 - 31.07.2015	10.00 pg - 3.00 ptg

Dimaklumkan bahawa kaunter Mr. Ezpay akan ditutup pada 16 Julai hingga 22 Julai 2015 sempena cuti Perayaan Hari Raya Aidilfitri. Diharapkan dengan adanya hebahan ini akan melancarkan segala urusan dan perancangan yang telah dirancang. Semoga dengan adanya perkhidmatan kaunter ez-pay ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan.

Sehubungan dengan itu, mohon jasa baik pihak media untuk membuat hebahan kepada orang ramai, kerjasama tuan/puan amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695